

Only with **Maxis Business Postpaid** for RM78/mt
-60GB mobile data, -Unlimited calls and SMS,
- Complimentary SMS advertising and more

Wan Suraya dilantik Ketua Audit Negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Jun 12, 2023 @ 1:31pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dilantik sebagai Ketua Audit Negara berkuat kuasa 13 Jun ini.

PUTRAJAYA: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dilantik sebagai Ketua Audit Negara baharu, berkuat kuasa esok.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pelantikan itu dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan perundingan dengan Majlis Raja-Raja.

"Dimaklumkan bahawa selaras dengan Perkara 105(1) Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, memperkenankan pelantikan Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi sebagai Ketua Audit Negara berkuat kuasa mulai 13 Jun 2023.

"Pelantikan beliau adalah berdasarkan kepada kepimpinan dan pengalaman luas sepanjang 29 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Jawatan Ketua Audit Negara sebelum ini kosong selama hampir empat bulan selepas Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid tamat kontrak pada Februari lalu.

Malah, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum ini menggesa kerajaan segera mengisi jawatan Ketua Audit Negara dengan melantik individu berlatar belakang dalam perakaunan dan pengauditan.

Pengerusinya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin turut berharap kerajaan menghentikan amalan pelantikan bekas ketua setiausaha (KSU) kementerian bagi mengisi jawatan berkenaan.